

**BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) GURU
BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH SEMPORNA**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



BIBAH BINTI TALAG

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) GURU BAHASA MELAYU
SEKOLAH RENDAH DI DAERAH SEMPORNA**

BIBAH BINTI TALAG



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) GURU BAHASA MELAYU
SEKOLAH RENDAH DI DAERAH SEMPORNA**

BIBAH BINTI TALAG



UMS

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **BAHAN BANTU MENGAJAR GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH SEMPORNA**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**
SAYA : **BIBAH BINTI TALAG** SESI PENGAJIAN : **2013/2014**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



(BIBAH BINTI TALAG)

Disahkan Oleh



(DR. MOHD ZAID BIN ISHAK)

Tarikh : 20.07.2014

Tarikh : 20.07.2014

CATATAN :- * Potong yang tidak berkenaan

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau desertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 Mei 2014



(BIBAH BINTI TALAG)
MT1212409T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya dapat juga akhirnya saya menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada penyelia pembimbing penyelidikan ini iaitu Dr. Mohd Zaki Bin Ishak diatas tunjuk ajar, teguran, bimbingan dan nasihat yang diberikan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Segala ilmu yang ditimba akan dimanfaatkan sepenuhnya dan kebaikan beliau hanya Allah yang mampu membalasnya.

Seterusnya, penghargaan yang tidak berbelah bagi ditujukan kepada semua pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan cawangan Tawau yang telah banyak membantu dan membimbing saya dalam usaha memperbaiki kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga ingin saya rakamkan buat suami (Ahmad. Rafi) dan keluarga tercinta kerana sentiasa sabar dan memberi sokongan serta dorongan sehingga terhasilnya disertasi ini. Doa dan kefahaman beliau amat saya hargai.

Tidak dilupakan sekalung penghargaan diberikan kepada teman-teman seperjuangan Pelajar Pascasiswazah Pendidikan terutamanya Cikgu Hjh Hairiya dan Cikgu Ibrahim kerana banyak memberi sokongan moral sepanjang menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan guru SK. Kubang Pinang dan Guru Besar Tn. Hj. Abdul Bangsa Bin. Hj. Alasa, kerana sentiasa memberikan kerjasama yang diperlukan. Keprihatinan dan keikhlasan kalian amat saya hargai.

Akhir kalam, diucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan disertasi ini.

Terima Kasih

Bibah Binti Talag
25 April 2014

ABSTRAK


Tujuan kajian ini ialah untuk meneroka penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah (GBMSR) di daerah Semporna. Dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP), penggunaan BBM dilihat amat efektif dan sesuai kepada para pendidik. Penulisan ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan BBM utama dan BBM sampingan yang sering digunakan dalam proses PdP, amalan serta persepsi penggunaan BBM dalam kalangan GBMSR di daerah Semporna. Penyelidik telah menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian terhadap tiga orang peserta kajian dalam kalangan guru yang mengajar Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Semporna. Data dianalisis dengan membuat "koding", mengkategorikan teks atau ungkapan serta mencadangkan tema yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa guru Bahasa Melayu mengamalkan penggunaan BBM dalam pengajaran mereka, di samping menggunakan BBM mengikut kepada keperluan dan tahap murid. Manakala BBM utama yang digunakan adalah lembaran kerja untuk tahun enam dan BBM yang berbentuk grafik untuk murid tahap satu yang baru mengenal suku kata dan juga abjad. Justeru, dalam arus kepesatan perkembangan pendidikan pada hari ini, BBM dilihat memainkan peranan yang amat penting untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna samada terhadap murid mahupun guru.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The purpose of this study was to explore the use of teaching aids among the Malay Language teachers for primary schools in Semporna . In order to increase the quality of teaching and learning, the use of such materials appears to be very effective and most appropriate for the educators. The writing of this study describes the findings related to the main teaching aids as well as the secondary teaching aids that are often used in teaching and learning process, practices and perceptions of the teaching aids usage among Malay Language teachers in the district. Researchers used the interview and observation method on both three participants in a study who one among them teacher Malay Language in a primary school in Semporna. Data were analyzed by making a " coding " , categorize the text or phrases and suggesting a relevant themes . The outcome showed that Malay Language teachers embrace the use of teaching aids in their teaching, apart using the material based on the needs and the level of each student. The main teaching aids used for year six are work sheet and shaped graphics teaching aids given to level 1 students who are new to the first syllable and the alphabet . Therefore, due to the rapid development of education nowadays, the teaching aids plays be an important role to create a teaching and learning process more meaningful for both the students as well as the teachers.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Sebahagian daripada disertasi ini telah dibentang dalam

1. Seminar Pendidikan Antarabangsa

Tarikh : 4 – 6 Jun 2014

Tempat : Universiti Malaysia Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

TAJUK	i
PENGESAHAN STATUS	ii
PENGAKUAN CALON	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Kesimpulan	11

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	12
2.2 Bahan Bantu Mengajar	13
2.2.1 Ciri-Ciri bahan Bantu Mengajar	14
2.3 Hubungan Bahan Bantu Mengajar Dengan Kemahiran Bahasa	

2.3.1	Kemahiran Mendengar	15
2.3.2	Kemahiran Bertutur	16
2.3.3	Kemahiran Membaca	17
2.3.4	Kemahiran Menulis	18
2.3.5	Kemahiran Tatabahasa	18
2.4	Teori dan Model Pembelajaran	19
2.4.1	Teori Behaviorisme	19
2.4.2	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	20
2.4.3	Konsep Kon Pengalaman Dale	24
2.4.4	Model Pengajaran Asas Glaser	29
2.5	Kajian-Kajian Lepas	30
2.5.1	Jenis-Jenis Bahan Bantu Mengajar	34
2.5.2	Kepentingan Bahan Bantu Mengajar	35
2.5.3	Prinsip-Prinsip Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	37
2.6	Kerangka Konseptual	38
2.7	Kesimpulan	40
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka bentuk Kajian	42
3.2.1	Kajian Kes	43
3.2.2	Kaedah Temu Bual	44
3.2.3	Kaedah Pemerhatian	45
3.3	Lokasi Kajian	45
3.4	Peserta Kajian	47
3.5	Instrumen Kajian	48
3.6	Prosedur Menjalankan Kajian	49
3.6.1	Prosedur Menjalankan Temu Bual	52
3.6.2	Prosedur Menjalankan Pemerhatian	55
3.7	Pengumpulan Data	57
3.8	Analisis data	60
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	61
3.10	Kesimpulan	63

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	64
4.2	Ringkasan Pengumpulan Data	65
4.3	Taburan Demografi Peserta Kajian	67
4.4	Bahan Bantu Mengajar Utama dan Sampingan	70
4.5	Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	77
4.6	Persepsi Guru Bahasa Melayu	86
4.7	Kesimpulan	90

BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	92
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	93
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	95
5.3.1	Bahan Bantu Mengajar Utama dan Sampingan	95
5.3.2	Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	102
5.3.3	Persepsi Guru Bahasa Melayu	105
5.4	Implikasi Kajian	110
5.5	Cadangan	112
5.6	Kesimpulan	113

RUJUKAN	115
----------------	-----

LAMPIRAN	126
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1	Jadual Pelaksanaan Kajian	51
3.2	Protokol Susunan Soalan	53
4.1	Ciri-Ciri Demografi Peserta Kajian	67
4.2	Jenis-Jenis Bahan Bantu Mengajar	76
4.3	Ciri-Ciri Bahan Bantu Mengajar	82
4.4	Penggunaan dan Kesan BBM	83
4.5	Amalan Penggunaan BBM	85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Muka Surat
2.1	Kon Pengalaman Dale	26
2.2	Kerangka Konseptual	39
3.1	Proses Menjalankan Kajian	50
3.2	Triangulasi Kaedah pengumpulan Data	58
5.1	Model Penggunaan BBM GBMSR	111



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
BM	-	Bahasa Melayu
GBMSR	-	Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KDC	-	Kursus Dalam Cuti
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
LCD	-	<i>Liquid Crystal Display</i>
APC	-	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A** Kebenaran Menjalankan Penyelidikan (KPM)
- LAMPIRAN B** Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan (Sekolah)
- LAMPIRAN C** Borang Kebenaran Temu Bual
- LAMPIRAN D** Borang Catatan Pemerhatian
- LAMPIRAN E** Borang Maklumat Diri
- LAMPIRAN F** Soalan Temu Bual
- LAMPIRAN G** Contoh Transkrip (Peserta Kajian Pertama)
- LAMPIRAN H** Contoh Pengkodan (Peserta Kajian Pertama)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Selaras dengan tuntutan semasa, sistem pendidikan adalah bersifat dinamik dan sentiasa menempuh banyak perubahan. Seiring dengan kemajuan yang dikecapi kini, corak pengajaran guru tidak lagi berfokuskan kepada peperiksaan semata-mata. Justeru, guru lebih kreatif dalam menyampaikan pengajarannya. Oleh kerana pengajaran adalah suatu proses menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid, maka guru lebih terdedah untuk memilih Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai bagi menghasilkan pembelajaran berkesan terhadap murid.

Seperti yang diketahui umum, pengajaran ialah proses menyampaikan ilmu pengetahuan yang terkandung dalamnya aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan serta penilaian. Pembelajaran yang berkesan ini terhasil daripada pengajaran yang efektif. Maka, untuk menjadi lebih efektif, Atan (1980) mengatakan bahawa seseorang guru memainkan peranan yang amat penting dalam menyediakan atau memilih bahan pengajaran yang sesuai serta tepat dengan isi kandungan yang hendak disampaikan kepada murid.

Hal ini kerana penggunaan BBM memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru dan murid. BBM juga dilihat dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman (Omardin 1999). Tambahan pula, BBM sama ada berbentuk elektronik atau bukan elektronik adalah

bahan sokongan penting untuk meningkatkan kefahaman murid disamping mampu mewujudkan suasana yang kondusif dan mengekalkan minat belajar murid tersebut.

Menyedari hakikat tersebut, penyelidik berpendapat bahawa kaedah pengajaran hari ini tidak sepatutnya terikat dan dibelenggu oleh buku teks yang berpusat kepada guru semata-mata. Sebaliknya pengajaran berpusat kepada murid adalah lebih baik melalui pelbagai aktiviti pembelajaran disokong dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang pelbagai. Dengan ini pengajaran dan pembelajaran guru khususnya Guru Bahasa Melayu (GBM) dalam bilik darjah akan lebih berkesan. Justeru, kajian ini akan memfokuskan aspek BBM Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah (GBMSR) di daerah Semporna.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam usaha memantapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dewasa ini memerlukan perhatian yang lebih serius. Seluruh warga pendidik Bahasa Melayu memerlukan komitmen serta kekuatan untuk menghadapi cabaran dan seterusnya memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran Bahasa Melayu sebaik mungkin. Tambahan pula, peningkatan profesionalisme guru Bahasa Melayu merupakan pemangkin akauntabiliti bahasa dan bangsa Melayu itu sendiri. Kenyataan ini amat bertepatan dengan saranan menteri pelajaran yang mahu sistem pendidikan negara kita terus maju seiring dengan kemajuan negara berimpak tinggi (Asiah,1990).

Maka, untuk merialisasikan harapan serta hasrat tersebut, kebolehan dan kreativiti guru khususnya GBM merupakan elemen yang penting. Hal ini adalah kerana melalui bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, mendapatkan informasi, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya (Kaminah, 1993). Justeru untuk menguasai ilmu ini pembelajaran secara formalnya berlaku di sekolah. Lantaran itu, GBM berperanan untuk memastikan murid di sekolah dapat mempelajari Bahasa Melayu dengan sebaiknya.

Bertitik tolak daripada ini, kepentingan terhadap penguasaan bahasa lebih ketara dalam bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahasa digunakan dalam interaksi lisan diantara guru dan juga murid. Hal ini jelas dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (Melayu) sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Oleh itu, Guru Bahasa Melayu (GBM) memainkan peranan penting untuk menentukan kejayaan murid dalam penguasaan Bahasa Melayu, sejajar dengan pendapat Ab. Rahman *et al.*, (1997) yang telah menggariskan empat peranan guru Bahasa Melayu iaitu sebagai perancang pengajaran dan pembelajaran, penggerak dan pendorong pengajaran dan pembelajaran, pembimbing murid dan memupuk semangat serta pembentukan sahsiah murid.

Namun, menurut Kamaruddin (2000) guru yang baik mengajar Bahasa Melayu (BM) adalah guru yang menguasai pengetahuan kandungan BM, aspek pedagogi dan pengetahuan kandungan pedagogi dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu penguasaan bahasa murid. Sehubungan dengan itu, dalam konteks pedagogi, penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah satu aspek penting diberi perhatian oleh GBM bagi menjadikan pengajarannya lebih menarik. Hal ini bertepatan dengan kenyataan yang telah diutarakan oleh Noor Din (1999) bahawa guru dapat menyampaikan pengajaran sebaik mungkin dengan membuat persediaan awal dari segi perancangan kaedah penyampaian, pengajaran dan penggunaan BBM yang mencukupi.

Berfokuskan kepada pengajaran BM kemahiran berbahasa yang diajar ialah kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, bacaan dan kefahaman, menulis serta tatabahasa. Bagi mengajar kelima-lima komponen ini seseorang guru itu memerlukan keyakinan mengajar dan sikap yang positif terhadap aspek-aspek kecekapan berbahasa itu sendiri. Mata pelajaran ini diajar adalah bertujuan untuk membimbing murid supaya pada masa akan datang dapat menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan (Abd. Aziz, 2000). Dengan ini adalah menjadi

tanggungjawab guru BM sekali lagi untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya kemahiran tersebut dapat dikuasai oleh murid.

Tambahan pula, penekanan kepada kaedah pengajaran yang melibatkan kemahiran menulis, membaca dan bertutur menjadikan pengajaran Bahasa Melayu memerlukan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang pelbagai dan bersesuaian (Abd. Rashid, 2008). Oleh itu semua rempah ratus ini dirancang penggunaannya dengan teliti serta tersusun semasa proses pengajaran berlaku. Seajar dengan pandangan Amir (2002), dalam sebuah bilik darjah, setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, pengajaran yang dirancang sesuai, disusun (mengikut tahap murid) dan disokong dengan BBM yang merangsang perkembangan potensi individu ketahap yang maksimum. Maka guru-guru Bahasa Melayu yang bijak dan kreatif dalam pengajaran akan mempelbagaikan penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka (Charlie, 2008). Bukan itu sahaja malah, BBM juga penting dalam pengajaran dan pendidikan kerana ianya dapat merangsang minat yang tinggi terhadap murid untuk belajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu penggunaan BBM dalam pengajaran bukanlah perkara baharu dalam dunia pendidikan kini. Ianya seolah telah menjadi satu rutin yang perlu dipertimbangkan penggunaannya dalam kelas kerana sifatnya yang membantu dalam mencapai objektif pengajaran. Justeru, kebijaksanaan guru dalam memilih kaedah pengajaran yang paling sesuai diselaraskan dengan BBM yang digunakan adalah sangat penting.

Namun, kelemahan sesetengah guru dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) telah menimbulkan pendapat dalam kalangan masyarakat yang mendakwa bahawa pengajaran BM di sekolah membosankan dan menyebabkan murid lebih menumpukan mata pelajaran yang bersifat teknikal seperti sains dan matematik

(Khairian,1980). Maka, situasi ini menuntut setiap guru agar lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan termasuklah menggunakan BBM semasa proses PdP.

Mohd. Azhar (2001) berpendapat bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), tanpa kreativiti guru maka pembelajaran akan menjadi lesu. Pandangan ini menyokong kenyataan yang menyebut bahawa guru yang tidak berkesan semasa mengajar adalah guru yang tidak menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan bahan media atau Bahan Bantu Mengajar (BBM) semasa proses PdP dijalankan (Shahril, 2001).

Walaupun pelbagai kaedah pengajaran terancang telah ditekankan kepada semua lepasan guru untuk diterapkan semasa pengajaran namun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa unsur penting dalam aspek pengajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) seperti penggunaan BBM tidak diikuti dan dilaksanakan sepenuhnya dalam bilik darjah (Noor, 2005).

Selanjutnya, menurut Abd. Rahman (2000), pelbagai alat teknologi pendidikan digunakan dalam PdP di sekolah-sekolah di Malaysia. Beliau menambah lagi bahawa penggunaan multimedia moden seperti video klip, *You Tube* dan powerpoint beranimasi misalnya boleh meningkatkan kualiti pembelajaran disamping meningkatkan motivasi pelajar. Elemen ini juga merupakan BBM. Namun pada hakikatnya, terdapat sungutan dari pelbagai pihak bahawa dalam pelaksanaan KBSR, terdapat tanda-tanda bahawa teknik pengajaran mulai berpatah balik kepada cara lama iaitu pengajaran secara kelas masih diamalkan sepanjang waktu (Omar, 2000). Persoalannya, mengapakah fenomena seperti ini masih berlaku di sekolah?

Bukan itu sahaja, malah menurut (Aisah, 1990), kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk membekalkan bahan-bahan pandang dengar bukan buku ke pusat sumber sekolah dan pusat kegiatan guru. Kenyataan ini jelas menunjukkan kementerian mempunyai peruntukan kewangan bagi penghasilan BBM di sekolah. Namun, penggunaan BBM di dalam pengajaran bilik darjah masih lagi

belum mencapai tahap yang memuaskan (Mohd Fazree, 2003). Oleh yang demikian, menurut (Ismail, 1990) pihak sekolah seharusnya memberi kemudahan dan galakkan kepada guru berinteraksi dalam pembinaan bahan-bahan media pengajaran.

Tambahan pula, amalan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang efektif ini masih belum dilaksanakan secara maksimum memandangkan keperluan guru memberikan masa, tenaga dan wang ringgit untuk menyediakannya (Kamarudin Husin & Siti Hajar, 1998; Sufean Hussin *et al.*, 2005). Begitu juga dengan hasil kajian Lai Kim Leong *et al.*, (2001) mendapati bahawa, walaupun guru mempunyai persepsi yang amat positif terhadap penggunaan BBM, namun amalan penggunaan bahannya di dalam bilik darjah tidak begitu menggalakkan atas kekangan seperti kekurangan masa, bahan-bahan tidak mencukupi, tidak praktikal, beban mengajar yang tinggi, sumber kewangan yang tidak mencukupi serta tidak mahir membina bahan secara sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa bukan setakat kekangan masa, tenaga dan juga wang ringgit sahaja, malah terdapat faktor lain yang menyumbang kepada penggunaan BBM yang tidak efektif.

Faktor seperti ini juga yang menyebabkan hingga hari ini masih terdapat guru yang mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang disifatkan sebagai pengajaran yang berpusatkan guru semata-mata seperti syarahan, hafalan, soal jawab dan perbincangan (Md. Yusoff *et al.*, 2006) tanpa menggunakan sebarang BBM untuk merangsang minda serta menarik minat murid.

Selain daripada itu, aspek sikap dan motivasi, pemantauan, pendedahan semula dan persekitaran kerja juga merupakan isu yang sering diperkatakan berkaitan dengan penggunaan BBM. Kebanyakan guru mengajar lebih terikat dengan penggunaan buku teks. Pada mereka, semua yang ingin disampaikan sudah tersedia di dalamnya. Maka kesan pergantungan kepada penggunaan buku teks dilihat boleh mengurangkan kehendak guru menyediakan BBM. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan besar guru yang tidak menggunakan langsung buku teks dan hanya menggunakan buku kerja, terutamanya dalam membuat latihan (Mohd Khairuddin, 2005). Di samping itu, penggunaan BBM juga dianggap sebagai bebanan kerana guru

perlu bersedia dari segi idea dan pemikiran secara kritis dan kreatif serta inovatif bagi memastikan bahan yang dihasilkan mampu membantu pembelajaran murid (Atan,1980).

Isu lain yang sering dikaitkan dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) juga ialah dari aspek pemantauan secara berkala oleh pentadbir yang dapat memberikan penegasan terhadap pentingnya bahan dalam pengajaran. Masalah masa dan tenaga juga sering membantutkan usaha menggunakan BBM. Guru sering menyatakan bahawa mereka terbeban dengan tugas-tugas pengajaran dan pengkeranian, dan ini dikaitkan dengan penyediaan bahan pengajaran.

Perkara penting yang perlu diperhatikan juga ialah sejauh manakah BBM dapat memberi manfaat kepada guru dan murid. Keberkesanan BBM ini bukan sahaja ditentukan oleh kualitinya tetapi juga oleh teknik penggunaannya dalam situasi bilik darjah (Rashidi Azizan *et al.*, 1996). Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa guru yang kreatif menggunakan BBM adalah guru yang berkesan dalam menyampaikan isi pengajaran.

Walaupun Yong dan Biraimah (1996) mengatakan bahawa guru yang kreatif merupakan seorang pendidik yang boleh mempengaruhi perkembangan kreativiti dalam kalangan muridnya. Namun, masih terdapat juga guru yang tidak kreatif dalam pengajarannya iaitu mereka hanya mengajar dengan cara '*chalk and talk*'. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui Asri (2000), yang mengatakan bahawa pengajaran dengan cara tradisional ini menampakkan guru tidak mempunyai kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bertitik tolak dari itu, kajian ini cuba merungkai dan meneroka beberapa perkara berkaitan amalan dan persepsi penggunaan BBM dalam kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah (GBMSR) yang dilihat dapat menyumbang ke arah keberkesanan PdP di dalam bilik darjah.

Justeru Guru Bahasa Melayu (GBM) mampu melakukan anjakan paradigma dalam pengajaran mereka dan tidak semata-mata menggunakan kaedah (*chalk and talk*) dalam pengajaran. Hal ini kerana kaedah tersebut amat membosankan dan

menurunkan motivasi murid. Guru dituntut mempertingkatkan kualiti pengajarannya dan pembelajaran mereka sejajar dengan cabaran pendidikan masa kini dengan mendedahkan kepada muridnya Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang mampu membantu kefahaman dan menolong murid ke arah pembelajaran yang lebih bermakna. Tetapi, sejauhmanakah penggunaan BBM dapat dipraktikkan dengan sebaiknya dalam kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah (GBMSR) di daerah Semporna semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP)? Bagi menjawab persoalan ini aspek penggunaan dan keupayaan guru menggunakan BBM memainkan peranan yang penting untuk menjadikan PdP lebih bermakna.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian berikut:

1. Apakah bahan bantu mengajar utama dan sampingan yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Semporna?
2. Bagaimanakah bentuk amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Semporna?
3. Bagaimanakah pandangan guru Bahasa Melayu Sekolah rendah di daerah Semporna terhadap penggunaan bahan bantu mengajar?

1.5 Objektif Kajian

1. Memperihalkan bahan bantu mengajar utama dan bahan bantu mengajar sampingan yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Semporna.
2. Mengenalpasti amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Semporna.